



PANDUAN *TAYAMMUM, WUDU'* DAN SOLAT BAGI PESAKIT

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
<http://www.islam.gov.my>

© **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2005**

<http://www.islam.gov.my>

Cetakan Pertama.....2001

Cetakan Kedua.....2003

Cetakan Ketiga.....2005

(dengan pindaan)

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

Kandungan

1.	Kata-Kata Aluan	4
2.	Penjelasan <i>Tayammum</i>	
	A. Erti <i>Tayammum</i>	5
	B. Dalil Perintah <i>Tayammum</i>	5
	C. Sebab-sebab Diharuskan Ber <i>tayammum</i>	6
	D. Bahan Untuk <i>Tayammum</i>	6
	E. Hikmah Ber <i>tayammum</i>	6
	F. Syarat <i>Tayammum</i>	6
	G. Rukun <i>Tayammum</i>	7
	H. Cara Ber <i>tayammum</i>	7
	I. Perkara Sunat Semasa Ber <i>tayammum</i>	10
	J. Perkara Yang Membatalkan <i>Tayammum</i>	11
3.	Kaedah / Cara <i>Tayammum</i> dan Ber <i>wudu'</i> bagi Pesakit	
	A. Muka	11
	B. Tangan	12
	C. Kepala	13
	D. Kaki	13
4.	Kaedah Solat Orang Sakit / Uzur	
	A. Kemudahan / <i>Rukhsah</i>	15
	B. Dalil-dalil <i>Rukhsah</i> Solat	16
	C. Solat Sambil Duduk	16
	D. Solat Mengiring	19
	E. Solat Melentang	20
	F. Solat Atas Kerusi	21
5.	Perhatian	
	A. Solat Yang Wajib Di <i>Qada'</i>	24
	B. Solat Yang Tidak Wajib Di <i>Qada'</i>	24
	C. Solat Bagi Orang Yang Sakit	24
6.	Soalan dan Jawapan	25
7.	Bibliografi	28

KATA-KATA ALUAN

Assalamualaikum wr.wbt.

Alhamdulillah, puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah kurniaNya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dapat menerbitkan risalah **Panduan *Tayammum, Wudu' Dan Solat Bagi Pesakit***.

Tayammum, wudu' dan solat merupakan persoalan penting bagi pesakit terutama mereka yang menerima rawatan di hospital. Oleh itu, saya mengalu-alukan usaha Bahagian Dakwah , JAKIM dalam menghasilkan risalah **Panduan *Tayammum, Wudu' Dan Solat Bagi Pesakit***. Semoga risalah ini dapat memberi panduan dan kemudahan kepada pesakit dalam melaksanakan ibadat solat yang merupakan *Imaduddin* (tiang agama) kepada kita umat Islam.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.Bhg. Sohikul Samahah Dato' Haji Md. Hashim bin Haji Yahaya , bekas Mufti Wilayah Persekutuan , Prof Madya Md. Saleh bin Hj. Md @ Hj Ahmad dan Ahli Jawatankuasa Soal Jawab Agama Melalui Internet JAKIM yang telah mengemaskini risalah ini. Ucapan terima kasih juga kepada pihak Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan mereka yang terlibat memberi kerjasama dalam menerbitkan risalah ini. Semoga segala usaha dan masa yang disumbangkan akan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

Dato' Mustafa bin Abdul Rahman
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

2. PENJELASAN *TAYAMMUM*

A. Erti *Tayammum*

Tayammum dari segi bahasa ialah *qasad* (mensahajakan).

Tayammum ialah suatu kemudahan yang diberikan oleh Allah S.W.T. kepada umat Islam untuk dilakukan semasa menghadapi keadaan yang menghalang daripada berwudu' atau mandi wajib disebabkan ketiadaan air atau kerana sakit bagi mengharuskan melakukan ibadah.

Tayammum pada syara' ialah menyapu muka dan kedua belah tangan meliputi siku dengan debu tanah yang bersih mengikut syarat-syarat yang tertentu. Ia difardukan sebagai ganti *wudu'* atau mandi wajib .

B. Dalil Perintah *Tayammum*

Kemudahan *tayammum* menunjukkan bahawa sembahyang lima waktu sehari semalam wajib dikerjakan oleh setiap orang Islam sekalipun mereka sedang sakit atau dalam ketiadaan air untuk bersuci dari hadas kecil atau hadas besar.

Maksud Hadis :

Dari Huzaifah r.a, katanya : Rasulullah s.a.w bersabda:dan (di antara keistimewaan yang diberikan Allah Taala kepada kami ialah) dijadikan bumi ini seluruhnya sebagai tempat sembahyang untuk kami, dan tanahnya pula dijadikan untuk kami sebagai alat untuk bersuci apabila kami tidak mendapat air.

(Riwayat Muslim)

Hadis ini menyatakan sebahagian dari keistimewaan dan kemudahan beribadat yang diberikan oleh Allah S.W.T. kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. dan umatnya berbanding dengan nabi-nabi terdahulu dan umat mereka masing-masing.

C. Sebab-sebab Diharuskan Bertayammum

- i. Apabila tiada air atau ada air tetapi hanya mencukupi untuk keperluan makan minum.
- ii. Tidak dapat menggunakan air disebabkan penyakit yang dihadapi atau merbahaya bila dikenakan air.
- iii. Apabila penggunaan air boleh membahayakan kesihatan dan nyawa.

D. Bahan Untuk Bertayammum

Debu tanah yang bersih ialah:

- i. Tanah dalam pelbagai warna seperti merah atau hitam. Sekiranya bercampur pasir mesti mengandungi kandungan debu.
- ii. Tidak dikategorikan sebagai abu.
- iii. Suci dan tidak bernajis.
- iv. Tidak *musta'mal*.
- v. Tidak bercampur tepung atau kapur atau pasir yang tidak berdebu.

Tidak boleh bertayammum dengan menepuk meja atau dinding kerana tidak mengandungi debu tanah.

E. Hikmah Bertayammum

Memberi kemudahan dalam mengerjakan ibadah ketika tidak dapat menggunakan air atau ketiadaan air.

F. Syarat-Syarat Sah Bertayammum

- i. Menghilangkan najis terlebih dahulu.
- ii. Tanah debu yang suci.
- iii. Bukan dari debu tanah yang *musta'mal* (yang telah digunakan).
- iv. Ada *qasad* / niat penggunaan tanah.

- v. Menyapu muka dan dua tangan hingga ke siku dengan dua kali tepuk. Tepukan pertama bagi muka dan tepukan kedua bagi tangan.
- vi. Pastikan terlebih dahulu arah kiblat.
- vii. Bertayammum apabila telah masuk waktu solat sahaja.
- viii. Satu *tayammum* bagi satu solat fardu dan beberapa solat sunat.

G. Rukun *Tayammum*

- i. Berniat ketika memindahkan debu sehingga menyentuh sebahagian muka. *Sahaja aku bertayammum kerana mengharuskan fardu sembahyang kerana Allah Ta'ala .*
- ii. Menyapu Muka.
- iii. Menyapu Tangan.
- iv. Tertib.

H. Cara Bertayammum



- i. Menepuk dua tapak tangan pada debu kali pertama untuk menyapu muka.

Gambar (a)



Gambar (b)

- ii. BERNIAT : **Sahaja aku bertayammum kerana mengharuskan fardu sembahyang kerana Allah Ta'ala .**

Masa niat : Ketika mula memindahkan debu dan sehingga menyentuh sebahagian muka.



Gambar (c)

- iii. Menyapu muka.



Gambar (d)

- iv. Selesai menyapu muka.



Gambar (e)

- v. Menepuk dua tangan ke debu pada kali kedua untuk menyapu tangan .(Sebelum menepuk kedua tapak tangan kali kedua, hendaklah dibersihkan kedua tapak tangan terlebih dahulu.



Gambar (f)

vi. Menyapu tangan kanan dari belakang tapak tangan kanan dengan empat perut jari tangan kiri dari hujung jari (selain ibu jari) hingga naik ke siku.



Gambar (g)

vii. Menyapu tangan kanan dari siku hingga ke hujung ibu jari.



Gambar (h)

viii. Menyapu tangan kiri dari belakang tapak tangan dengan empat perut jari tangan kanan (selain ibu jari) dari hujung jari hingga ke siku.



Gambar (i)

ix. Menyapu tangan kiri dari siku hingga ke hujung ibu jari.

Catatan:

(a) Untuk menyapu tangan , wajib ditanggalkan cincin , jam tangan dan gelang sekiranya debu tidak sampai di bawahnya. Jika sampai debu , maka sunat sahaja menanggalkannya.

(b) Sunat menipiskan debu tanah pada tapak tangan sebelum disapukan ke anggota tayammum.

I. Perkara-Perkara Sunat Semasa Bertayammum

- i. Membaca *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* ketika mula menepuk.
- ii. Menyapu muka dari atas ke bawah.
- iii. Mendahulukan menyapu tangan kanan dari kiri.
- iv. Menipiskan penggunaan debu seperti dengan cara menepuk dua tepi tangannya.
- v. Menjarangkan anak jari ketika menepuk debu.
- vi. Menyelati anak-anak jari jika debu telah mengenai di antara anak-anak jarinya. Jika tidak mengenai debu di antaranya wajiblah diselati.
- vii. Jangan diangkatkan tangan ketika menyapu kecuali telah sempurna menyapunya.
- viii. Mengadap kiblat.
- ix. Melebihi sapuan daripada bahagian yang wajib disapunya.
- x. Sunat menanggalkan cincin yang dipakai bagi tepukan yang pertama.
- xi. Membaca doa *wudu'* setelah selesai *tayammum*.
- xii. Tidak menyapu lebih daripada sekali.
- xiii. Menghilangkan saki baki debu tanah yang disapu pada anggota *tayammum* pada telapak tangan.
- xiv. Mendahulukan menyapu tangan kanan dari yang kiri.
- xv. Melakukannya dengan berturut-turut.

J. Perkara-Perkara Yang Membatalkan *Tayammum*.

- i. Apabila berlaku salah satu perkara yang membatalkan *wudu'*.
- ii. Air diperolehi sebelum memulakan sembahyang bagi mereka yang bertayammum kerana ketiadaan air.
- iii. Hilangnya merbahaya kerana sakit atau sebagainya.
- iv. Keluar dari agama Islam (*murtad*).

3. KAEDAH / CARA TAYAMMUM / BERWUDU' BAGI PESAKIT UNTUK MELAKUKAN SOLAT.

Bagi pesakit yang tidak boleh bergerak disebabkan oleh kesakitan atau rawatan dan tidak ada orang yang membantunya berwudu' / bertayammum maka mereka dikehendaki solat seperti biasa bagi menghormati waktu tanpa wudu' / tayammum dan tanpa mengadap kiblat mengikut kemampuan. Solat-solat menghormati waktu wajib diqada' secepat mungkin apabila sembuh atau keadaan mengizinkan. Sekiranya mereka meninggal dunia dalam keadaan belum sempat mengqada'nya maka mereka dikira sudah melaksanakan kewajipan dan tidak berdosa.

Bagi pesakit-pesakit yang boleh bergerak atau dalam keadaan mengizinkan, mereka hendaklah berusaha berwudu' / bertayammum. Cara berwudu' / bertayammum adalah seperti berikut:-

A. Bagi pesakit yang sebahagian mukanya tidak boleh kena air.

Lihat gambar



Cara pertama:

- a. Berniat mengambil *wudu'*.
- b. Membasuh muka yang sihat dan sapukan air di atas pembalut / plaster.
- c. Bertayammum bagi menggantikan tempat yang tidak boleh kena air.
- d. Membasuh tangan hingga ke siku, menyapu kepala dan membasuh kaki.

Cara kedua:

- i. Dimulakan dengan *tayammum* .
- ii. Ber*wudu'* seperti biasa pada anggota yang sihat dan menyapu air pada anggota *wudu'* yang sakit.

B. Bagi pesakit yang keseluruhan mukanya tidak boleh kena air dan debu.

Cara pertama:

- i. Berniat bertayammum semasa mengangkat tangan untuk menyapu debu ke anggota tangan.
- ii. Menyapu tangan sehingga selesai.

Cara kedua :

- iii. Berniat *wudu'* semasa membasuh tangan.
- iv. Membasuh tangan hingga siku.
- v. Menyapu kepala.
- vi. Membasuh kaki.

C. Bagi pesakit yang tangannya tidak boleh kena air.

Cara pertama

- i. Berniat mengambil *wudu'* semasa membasuh muka.
- ii. Membasuh tangan yang sihat dan disapu air di atas tangan yang berbalut.
- iii. Bertayammum.
- iv. Menyambung *wudu'* dengan menyapu air ke kepala.
- v. Membasuh dua kaki.

Cara kedua:

- i. Berniat mengambil *wudu'* semasa membasuh muka.
- ii. Bertayammum dengan menyapu debu ke muka dan menyapu debu ke tangan hingga selesai.
- iii. Menyambung *wudu'* dengan membasuh tangan yang sihat dan disapu air di atas tangan yang berbalut.
- iv. Menyapu air ke kepala.
- v. Membasuh kaki.

Lihat Gambar



D. Bagi pesakit yang kepalanya berbalut.

- i. Niat *wudu'* terlebih dahulu ketika membasuh muka.
- ii. Membasuh muka.
- iii. Membasuh tangan.
- iv. Jika tidak ada sedikit ruang kepala yang boleh disapu maka hendaklah bertayammum.
- v. Menyambung *wudu'* dengan menyapu air di atas pembalut kepala.
- vi. Membasuh kaki.

Lihat gambar



E. Bagi pesakit yang kakinya berbalut atau tidak boleh kena air

Cara pertama

- i. Berniat *wudu'* terlebih dahulu ketika membasuh muka.
- ii. Membasuh tangan.
- iii. Menyapu kepala .
- iv. Bertayammum.
- v. Menyambung *wudu'* dengan membasuh kaki yang sihat dan menyapu air di atas balutan kaki.

Cara kedua

- i. Berniat *wudu'* terlebih dahulu ketika membasuh muka.
- ii. Membasuh tangan.
- iii. Menyapu kepala .
- iv. Membasuh kaki yang sihat dan menyapu air di atas balutan kaki.
- v. Bertayammum.

Lihat gambar



Perhatian

a. Bagi pesakit yang mukanya tidak boleh kena air

Solat wajib diqada' kerana muka adalah anggota *tayammum* yang tidak dapat disempurnakan.

b. Bagi pesakit yang tangannya tidak boleh kena air

Solat wajib diqada' kerana tangan adalah anggota *wudu'* dan *tayammum* yang tidak dapat disempurnakan.

c. Bagi pesakit yang kepalanya tidak boleh kena air

Solat tidak wajib diqada' jika pembalutnya tidak meliputi had kepala yang memadai sapu .

d. Bagi pesakit yang kakinya berbalut atau tidak boleh kena air

Solat tidak wajib diqada' jika pembalut itu tidak melebihi had yang diperlukan.

4. KAEDAH SOLAT ORANG SAKIT / UZUR

A. Kemudahan (*Rukhsah*)

Orang sakit dikehendaki mengerjakan solat mengikut apa cara yang termampu. Sekiranya tidak mampu berdiri bolehlah solat sambil duduk. Jika tidak mampu duduk maka hendaklah mengiring di atas rusuk kanan/kiri dan menghadapkan dada dan mukanya ke arah kiblat. Jika tidak boleh mengiring maka hendaklah melentang dengan kakinya menghadap kiblat dan kepala diangkat sedikit. Dalam keadaan tidak mampu melakukan ruku' dan sujud maka solatlah dengan isyarat kepala sahaja atau dengan mata apabila tidak mampu dengan kepala. Seterusnya dengan hati sahaja sekiranya tidak mampu dengan mata.

B. Dalil Rukhsah Solat

Maksud Hadis:

Dari Imran bin Hashin (r.a) telah berkata Adalah aku menghidap buasir maka aku bertanya Rasulullah s.a.w. dari hal solat, maka berkata Rasulullah s.a.w. Solatlah dalam keadaan berdiri, maka jika kamu tidak mampu, hendaklah kamu duduk, jika kamu tidak mampu maka hendaklah kamu mengiring..

(Riwayat al Bukhari)

C. Cara Solat Sambil Duduk



Gambar (a)

- i. Duduk menghadap kiblat mengikut
keselesaan pesakit. Sebaik-baik solat duduk
ialah duduk *iftirash* seperti dalam gambar (a).



Gambar (b)

- ii. *Takbiratul Ihram* seperti di gambar (b).



Gambar (c)

iii. Membaca *al-Fatihah*.



Gambar (d)

iv. Ketika *ruku'* hendaklah menundukkan kepala hingga sampai paras lutut setentang dahi dengan hadapan sujud. Sekiranya tidak mampu, hendaklah tunduk yang dapat membezakan dengan perbuatan sujud.



Gambar (e)

v. Ketika *I'tidal* hendaklah diangkat kepala semula sambil mengangkat tangan seperti takbiratul ihram, kemudian meluruskan kedua-dua tangan seperti pada gambar (e).



Gambar (f)

vi. Membaca Doa *Qunut* bagi Solat Subuh.



Gambar (g)

- vii. Sujud dilakukan seperti biasa. Sekiranya tidak dapat sujud seperti biasa, hendaklah menundukkan kepala lebih sedikit daripada had *ruku'*. Sekiranya masih tidak mampu, memadai membezakan antara *ruku'* dan sujud.



Gambar (h)

- viii. Duduk antara dua sujud.



Gambar (i)

- ix. Membaca *Tahiyyat*.



Gambar (j)

- x. Melafazkan salam dengan berpaling muka ke kanan.



Gambar (k)

- xi. Melafazkan salam dengan berpaling muka ke kiri.

D. Cara Solat Mengiring

Sebaik-baik solat ini ialah dengan mengiring atas rusuk kanan dengan menghadapkan dada dan muka ke arah kiblat.

Lihat gambar dibawah.



Gambar (a)

- i. Berniat ketika beserta *Takbiratul Ihram* dan sunat mengangkat tangan sekiranya mampu. Kemudian membaca *al-Fatihah*.



Gambar (b)

- ii. *Ruku'* dengan menundukkan sedikit kepala mengikut kemampuan. Lihat gambar (b).



Gambar (c)

- iii. Hendaklah *I'tidal* dengan mengangkat kepala semula. Lihat gambar (c).

Catatan : Bacaan doa *Qunut* bagi solat Subuh.



Gambar (d)

- iv Sujud dengan menundukkan kepala lebih daripada kadar *ruku'* jika ia mampu. Sekiranya tidak berdaya lakukanlah setakat mana ia terdaya.



Gambar (e)

- v. Duduk antara dua sujud dengan keadaan mengiring seperti kedudukan asal.



Gambar (f)

- vi. Membaca *Tahiyat* dan memberi salam seperti dalam gambar (f).

Semua rukun *Fi'li* (perbuatan) hendaklah dilakukan dengan isyarat kepala sekiranya tidak mampu dengan mata sahaja. Jika tidak terdaya hendaklah dilakukan dalam hati.

E. Cara Solat Melintang

Orang yang solat melintang dikehendaki meluruskan kedua-dua kakinya ke arah kiblat dan meninggikan kepala supaya terangkat sedikit untuk menghadap kiblat. Segala pergerakan solat itu dilakukan dengan isyarat kepala. Sekiranya tidak mampu dengan kepala maka dengan isyarat mata. Manakala orang-orang yang tidak berdaya langsung, hendaklah ia ingat kelakuan pergerakan rukun solat dalam hatinya mengikut tertib.

(Lihat gambar di bawah).



D . Solat Duduk Di Atas Kerusi.

Solat duduk atas kerusi seperti berikut.



Gambar (a)

- i. Duduk tegak mengikut keselesaan pesakit dengan meluruskan badan dan tangan seperti pada gambar (a).



Gambar (b)

- ii Berniat solat ketika melafazkan *Takbiratul Ihram* dengan mengangkat tangan seperti di gambar (b).



Gambar (c)

- iii. Membaca *al-Fatihah* dan Surah dalam keadaan duduk dan tangan kanan diletakkan di atas tangan kiri .



Gambar (d)

- iv. *Ruku'* dengan menundukkan kepala sehingga dahinya berbetulan hadapan lututnya atau sekadar yang termampu .



Gambar (e)

- v. *I'tidal* dengan mengangkat kepala dan meluruskan badan dan tangan.



Gambar (f)

- vi. Bagi solat Subuh bacaan *Qunut* dilakukan dengan mengangkat tangan berdoa sekiranya mampu dan keadaan mengizinkan.



Gambar (g)

- vii. Sujud dengan menundukkan kepala dan badan seboleh-bolehnya dahi di bawah paras lutut sekiranya mampu. Perbuatan sujud dan *ruku'* hendaklah ada perbezaan.



Gambar (h)

- viii. Duduk antara dua sujud dengan meletakkan tangan di atas paha.



Gambar (i)

- ix. Membaca *Tahiyat* dalam keadaan meletakkan tangan di atas paha.



Gambar (j)

- x. Melafazkan salam dengan berpaling muka ke kanan.



Gambar (k)

- xi. Melafazkan salam dengan berpaling muka ke kiri.

5. PERHATIAN

A. Solat Yang Wajib Diqada'

Jika berlaku salah satu daripada perkara-perkara berikut:

- i. Pembalut dibalut pada anggota *tayammum* sama ada ketika berhadass atau bersuci.
- ii. Pembalut itu dibalut dalam keadaan tidak ber*wudu'* sama ada anggota *tayammum* atau lainnya. (Mazhab Hanafi dan Mazhab Maliki tidak mensyaratkan *toharah* ketika dibalut).
- iii. Apabila pembalut melebihi dari had yang diperlukan sama ada dibalut ketika berhadass atau bersuci.

B. Solat Yang Tidak Wajib Diqada'

- i. Bukan anggota *tayammum*.
- ii. Dibalut dalam keadaan suci dan ber*wudu'*.
- iii. Pembalut tidak melampaui anggota yang sihat melebihi had yang diperlukan.

C. Jumlah *Tayammum* Mengikut Jumlah Anggota Yang Sakit

- i. Sekiranya satu atau semua anggota wuduknya tercedera wajib sekali *tayammum*.
- iii. Sekiranya dua anggota wuduknya tercedera wajib dua kali *tayammum*.
- iii. Sekiranya tiga anggota wuduk tercedera wajib tiga kali *tayammum*.

Peringatan

- i. Solat mengikut rakaat yang telah ditetapkan iaitu dua rakaat bagi solat Subuh, empat rakaat bagi solat Zohor, 'Asar dan Isya', dan tiga rakaat bagi solat Maghrib.
- ii. Cara-cara yang telah ditunjukkan di dalam risalah ini adalah panduan untuk satu rakaat sahaja.

WALLAHU A'LAM

Soalan dan Jawapan Berkaitan *Tayammum* dan Solat Pesakit

- 1. Soalan :**
Bolehkah orang lain (ahli keluarga) yang mahram mentayammumkan pesakit? Dan bagaimanakah caranya?

Jawapan:

Diharuskan dan caranya ialah sama seperti bertayammum untuk diri sendiri. Pesakit hendaklah berniat tayammum ketika memindahkan debu ke muka.

- 2 Soalan:**
Bolehkah bertayammum dengan cara menepuk tangan di meja atau di dinding dan di mana-mana tempat untuk bertayammum?

Jawapan:

Harus bertayammum jika terdapat tanah yang berdebu padanya.

- 3. Soalan :**
Apakah hukum mengelap anggota wudu' dengan tujuan untuk bertayammum?

Jawapan:

Harus.

- 4. Soalan :**
Adakah wajib menyapu dengan air di atas balutan anggota wudu' ketika hendak bertayammum ?

Jawapan :

Wajib jika tidak mendatangkan kemudharatan

- 5. Soalan :**
Bagaimanakah seorang berhadass besar hendak menunaikan solat, di mana ia disahkan oleh doktor tidak boleh terkena air ?

Jawapan:

Wajib ia bertayammum bagi menggantikan mandi hadas besar dengan niat mengharuskan fardhu sembahyang.

- 6. Soalan:**
Bagaimanakah caranya pesakit yang berhadass besar hendak mendirikan solat sedangkan salah satu anggota wudu'nya berbalut dan tidak boleh terkena air?

Jawapan:

Wajib mandi dan bertayammum bagi menggantikan anggota yang tidak boleh terkena air dan wajib menyapu dengan air ke atas pembedaan.

7. Soalan:

Adakah terangkat hadas besar dengan bertayammum sahaja disebabkan sakit? Adakah masih wajib mandi mengangkat hadas janabah setelah pesakit itu sihat?

Jawapan:

Terangkat hadas besar dengan bertayammum dan tidak lagi wajib mandi janabah apabila sihat .

8. Soalan:

Adakah pesakit boleh mendirikan sembahyang jamak ?

Jawapan:

Harus pesakit tersebut menjamak solat taqdim atau ta'khir jika timbul masyaqqah (kesulitan) solat di waktunya .

9. Soalan

Bilakah waktu bertayammum untuk mendirikan solat fardhu?

Jawapan:

Bertayammum hendaklah dilakukan setelah di yakini masuk waktu solat.

10. Soalan:

Bolehkah pesakit mengambil wudu' dengan cara mengelap anggota wudu' menggunakan tuala yang basah?

Jawapan:

Tidak sah wudu' kerana air tidak mengalir.

11. Soalan:

Sahkah berwudu' dengan merenjisikan air atau menggunakan "spray" pada anggota wudu' ?

Jawapan:

Sah apabila air tersebut rata dan mengalir.

12. Soalan:

Bolehkah orang yang bertayammum mendirikan solat jamak?

Jawapan:

Harus solat jamak dengan syarat 2 kali tayammum.

13. Soalan:

Pada awal memindahkan tanah ke muka tidak berniat tayammum tetapi apabila hampir tangannya ke muka barulah dia berniat berkekalan sehingga sampai tangan kena muka. Sahkah tayammum?

Jawapan:

Maka sah pemindahan tersebut dan niat ketika itu.

14. Soalan

Apakah sah bertayammum dalam keadaan terbuka aurat?

Jawapan:

Sah.

15. Soalan

Pesakit yang berwudu' dan bertayammum kemudian dia solat fardhu. Wajibkah pesakit memperbaharui wudu' dan bertayammum sekiranya dia tidak berhadass kecil?

Jawapan:

Tidak wajib dia mengulangi wudu' tetapi wajib mengulangi tayammum sahaja.

16. Soalan

Bagaimana cara mandi wajib dan tayammum bagi anggota yang sakit?

Jawapan:

Boleh mandi dahulu kemudian bertayammum atau sebaliknya.

17. Soalan

Adakah wajib tertib pada membasuh anggota wudu' dan tayammum bagi menggantikan membasuh anggota yang sakit?

Jawapan:

Wajib tertib dalam erti kata tayammum perlu dilakukan ketika membasuh anggota yang berkenaan.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an al-Karim

Sheikh Abdullah Basameih. *Tafsir Pimpinan Ar. Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an (30 Juz)*, terj: Darul Fikir : Kuala Lumpur. Cet. 11. (2000).

Sheikh Abdullah Basameih. *Mastika Hadis*, Pusat Islam, Kuala Lumpur. (1983).

Muhammad al-Syarbini al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, Mustafa al-Babi al-Halabi, Cairo. (1958).

al-Nawawi. *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, Dar al-Nasr Littiba'ah, Cairo. (1971).

Wahbah al-Zuhayli. Dr. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, Beirut. (1985).

Al-Syiekh Muhammad Bin Ismail Daud al- Fatani. *Matla' Al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*. Ditashih oleh: Haji Hassan bin Haji Ahmad. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) : Kuala Lumpur. (1993).

Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, *Sabil Al-Muhtadin Littafaqquh Fi Amr al-Din*, Dar al-Kutub al-Arabiyyah, Mesir.(t.t).

Kamil Musa. Dr. *Ahkam al-Ibadah, Solah, Zakah, Saum dan Hajj*. Muassasah al-Risalah : Beirut. Cet.1. (1988).

al-Syeikh Ali bin Abdullah Baldram. *Kitab Tuntutan Ibadat Perukunan Ibadat Sepanjang Zaman*. Percetakan Pustaka Muda : Perak. (t.t).

Pelajaran Feqah Darjah 6 Sekolah Rendah Agama Islam Selangor. Penyusun : Jawatankuasa Lujnah Buku Teks Jabatan Agama Islam Selangor. Koperasi Serbaguna Guru-guru Agama Islam Selangor Berhad : Selangor. cet. 3. (2001).

Bahan disediakan oleh: (Cetakan Pertama)

Ustaz Abd. Rashid bin Mahmud
Ustaz Chunawi bin Hj.Sidek
Ustazah Sarijah binti Bejo
Ustazah Zawiah binti Salleh
Ustazah Siti Hawa binti Ibrahim

Panel Penyemak dan Urusetia : (Cetakan Kedua)

Prof. Madya Md. Saleh bin Hj. Md @ Hj. Ahmad
Ustaz Md. Adnan bin Md. Daud
Ustaz Abd. Aziz bin Che Kob
Ustazah Nik Ismah binti Abd. Rahman
Ustazah Zawiah binti Salleh
Ustazah Saemah binti Mukhtar
Ustazah Fatimah binti Saad
Ustaz Chunawi bin Hj. Sidek
Ustaz Ali bin Sarbini
Ustaz Shihabudin bin Alang Mat Piah
Ustaz Abdul Kadir bin Saleh
Ustazah Ruzita binti Mukhtar
Ustazah Rokiah binti Ibrahim
Ustazah Norlida binti Yusof
Ustazah Sakdiah binti Md. Nusi
Ustazah Sharifah Fuziah binti Syed Zin
Ustazah Razinah binti Akop

Panel Penyemak dan Urusetia : (Cetakan Ketiga)

Prof. Madya Md. Saleh bin Hj. Md @ Hj. Ahmad
Ustaz Md. Adnan bin Md. Daud
Ustaz Abd. Aziz bin Che Kob
Ustazah Nik Ismah binti Abd. Rahman
Ustazah Zawiah binti Salleh
Ustazah Saemah binti Mukhtar
Ustazah Fatimah binti Saad
Ustaz Chunawi bin Hj. Sidek
Ustaz Ali bin Sarbini
Ustaz Shihabudin bin Alang Mat Piah
Ustaz Abdul Kadir bin Saleh
Ustazah Ruzita binti Mukhtar

Ustazah Rokiah binti Ibrahim
Ustaz Mat Jaiz bin Kamos
Ustaz Mokhtar bin Abdul Rahman
Ustaz Ismail Hashim bin Junaidi
Ustaz Zainul Abidin bin Mat Noor
Ustazah Wan Nadzirah binti Wan Mohamad
Ustazah Norhayati binti Zainudin
Ustazah Sakdiah binti Mohamad Nusi
Ustazah Sharifah Fuziah binti Syed Zin
Mohamad Ibra Hirul bin M. Ibrahim
Ahmad Zaid bin Che Akil